

**Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar Tahun Empat SPH,
Universiti Teknologi Malaysia.**

Yahya Bin Buntat & Noor Sharliana Binti Mat Nasir
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kreativiti pelajar, mengenal pasti faktor utama yang mendorong kreativiti, melihat hubungan antara keadaan persekitaran dengan kreativiti dan melihat tahap kreativiti pelajar. Seramai 71 orang pelajar tahun empat SPH dari Fakulti Pendidikan, UTM telah menjadi responden untuk kajian ini. Data kajian diperolehi melalui borang soal selidik dan soalan Ujian Personaliti Kreatif. Nilai Alpha Cronbach ialah 0.876. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) Versi 15.0 untuk mengira kolerasi, min, frekuansi serta peratusan. Dapatkan kajian menunjukkan kesemua faktor yang dikaji iaitu faktor ilmu pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi dan keadaan persekitaran mendorong kreativiti pelajar. Faktor utama yang mendorong kreativiti pelajar ialah faktor ilmu pengetahuan dengan nilai min 4.32. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keadaan persekitaran dan kreativiti dengan nilai signifikan 0.000. Hasil kajian juga menunjukkan seramai 2 orang pelajar berada pada tahap sangat kreatif, 46 orang berada pada tahap kreatif dan 23 orang berada pada tahap sederhana kreatif. Beberapa cadangan telah dibuat bagi pihak yang berkenaan supaya dapat mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi tahap kreativiti di kalangan pelajar-pelajar universiti amnya.

Katakunci : faktor, mendorong kreativiti, pelajar tahun 4SPH

Pengenalan

Setiap manusia memiliki personaliti dan kreativiti yang berbeza-beza. Terdapat sesetengahnya yang bersikap pendiam, serius, suka mendorong sementara ada yang suka berkawan dan berfikir. Jika dilihat dari aspek seorang pelajar, perbezaan dari segi tingkah laku, nilai dan personaliti memang mempengaruhi mereka tentang bagaimana mereka menjalankan sesuatu tugas dan menghuraikan sesuatu situasi dan bagaimana mereka menghadapi sesuatu cabaran.

Pemikiran kreatif dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada semua manusia, apa yang membezakan seseorang itu ialah kecenderungan dan keupayaan seseorang itu berkreativiti banyak bergantung kepada faktor diri, persekitaran dan jenis masalah yang dihadapi. Selain itu, kebolehan dan bakat kreatif mestilah dipupuk dan dibaja dengan betul dengan pendekatan yang sesuai dan bersistem. Personaliti individu yang kreatif memiliki peribadi yang unik. Unik bermakna lain daripada yang lain, ia terdiri daripada perspektif cara berfikir, bertindak dan bertindak balas dengan persekitarannya (Mohd. Azhar, 2004).

Dalam disiplin psikologi, personaliti ialah suatu bidang kajian tidak hanya melihat aspek yang tertentu sahaja dalam diri seseorang. Walaupun terdapat banyak pendekatan personaliti, terdapat juga sesetengah orang yang bersetuju apa yang perlu dikaitkan dalam kajian personaliti. Secara rasionalnya, personaliti adalah satu cabang psikologi yang mana menekankan bagaimana kita membezakan seseorang individu dengan individu yang lain (Higgins, 1997). Konsep tradisional ini adalah fokus kepada perbezaan individu dari atas kecenderungan, kualiti dan perlakuan.

Kreativiti ialah suatu disiplin yang terus-menerus dibincangkan dan dibahaskan secara ilmiah. Kreativiti pernah dibicarakan oleh beberapa ahli falsafah dan pemikiran klasik, antaranya ialah Plato, Aristotle, Immanuel Kant, dan Francis Galton (Rothenberg dan Hausman, 1996). Pada zaman klasik, pemikir dan ahli pemikir menganggap kreativiti sebagai suatu kuasa alamiah yang dimiliki oleh individu genius.

Dalam memastikan kerajaan mencapai objektifnya seperti salah satu perkara yang dimatlamatkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9, iaitu untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, maka pendidik mempunyai tanggungjawab yang berat untuk membantu kerajaan membentuk generasi yang mampu menggunakan pemikiran dan berkreativiti dengan cara yang betul dan berkesan untuk digunakan dalam proses membentuk insan yang cemerlang kelak.

Pernyataan Masalah

Dewasa ini kreativiti di kalangan pelajar telah menjadi satu keperluan sama ada kepada pelajar itu sendiri atau kepada negara. Keperluan kreativiti semasa proses pembelajaran atau pun sepanjang berada di alam pekerjaan ianya tidak boleh dinafikan lagi. Kreativiti memainkan peranan penting bagi memastikan negara dapat melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama.

Kesemua kajian yang dilakukan mengenai kreativiti sama ada kajian luar atau dalam negara, kesemuanya tertumpu kepada pelajar yang berada di peringkat alam persekolahan. Memang tidak dinafikan segala perancangan haruslah bermula dari peringkat bawah, namun begitu perkara yang paling utama yang perlu dititik beratkan ialah tenaga pengajar atau guru yang akan mengajar generasi-generasi muda ini. Adakah mereka seorang yang kreatif dan jika mereka kreatif, apakah faktor-faktor yang mendorong kreativiti mereka. Isu yang timbul ialah, bagaimana seorang guru yang tidak kreatif dapat mendidik pelajarnya dengan baik dan berkesan.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk membuat kajian mengenai kreativiti terhadap pelajar-pelajar di peringkat institut pengajian tinggi terutamanya mereka yang mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan pula. Pada tahun 1993 dan 1994 misalnya, tema Hari Guru ialah Guru Inovatif dan Kreatif Menjayakan Wawasan. Manakala tema Hari Guru 2003 pula Guru Berkualiti Aspirasi Negara (Utusan Malaysia, 2003). Ini menunjukkan betapa kerajaan menekan guru-guru untuk menjadi seorang yang kreatif. Apa yang lebih penting, semua pihak haruslah bekerjasama dan memiliki iltizam untuk melahirkan negara Malaysia yang kreatif dengan acuannya yang tersendiri. Kajian ini akan dilakukan ke atas pelajar tahun empat SPH, yang mana akan menjadi pendidik generasi muda dan secara tidak langsung akan cuba memenuhi hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif.

Bagi memenuhi konsep kreativiti itu sendiri beberapa faktor perlu diambil kira seperti faktor ilmu pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi, dan keadaan persekitaran. Tambahan pula, dalam Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara (2007-2010) sendiri, ada menyatakan ciri modal insan minda kelas pertama adalah melahirkan graduan yang kreatif, inovatif dan berfikir secara kritikal. Untuk itu, pengkaji telah melakukan kajian ke atas siswazah pendidikan di UTM untuk melihat faktor-faktor yang mendorong kreativiti dan tahap kreativiti bakal pendidik kelak.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :-

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kreativiti di kalangan pelajar tahun empat, Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), UTM.
2. Mengenal pasti faktor utama yang mendorong kreativiti di kalangan pelajar tahun empat, jazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), UTM.
3. Mengenal pasti hubungan antara keadaan persekitaran dengan kreativiti pelajar tahun empat, Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), UTM.
4. Mengenal pasti tahap kreativiti pelajar tahun empat, Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), UTM.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini boleh digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan kajian akan dapat memberi manfaat menyeluruh kepada golongan :

Kementerian Pengajian Tinggi

- (i) Mengenalpasti adakah kemahiran berfikir secara kreatif diaplikasikan dalam setiap matapelajaran di Institut Pengajian Tinggi.
- (ii) Dapat menyediakan kursus kemahiran berfikir secara kreatif kepada tenaga pengajar atau pensyarah, seterusnya dapat mengetahui cara untuk membantu pelajar menjadi individu yang kreatif.
- (iii) Mewujudkan Institut Pengajian Tinggi yang mempunyai kawasan sekitarnya yang tenang dan harmoni supaya pelajar dapat menghasilkan idea-idea yang bernas untuk menjana kreativitinya.

Tenaga Pengajar atau Pensyarah

- (i) Membuat perancangan strategi dan juga menentukan pendekatan berfikir yang sesuai dengan tahap pelajar yang selepas ini akan memasuki alam pekerjaan yang penuh dengan cabaran.
- (ii) Merancang pengajaran yang sesuai dengan corak pemikiran pelajar.
- (iii) Menentukan kesesuaian strategi dan pendekatan kemahiran yang boleh diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Siswa-Siswi

- (i) Pendedahan kepada pentingnya menjadi kreatif dan kemahiran berfikir secara kreatif dalam semua matapelajaran di universiti.
- (ii) Pendedahan kepada pentingnya kemahiran berfikir secara kreatif dalam kehidupan seharian.
- (iii) Membantu pelajar mengaplikasikan kreativiti dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah suatu kajian penyelidikan yang berbentuk perihal atau deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang dibuat secara kajian kes. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta dengan tepat (Mohd Najib, 1999). Oleh itu, penggunaan soal selidik adalah satu kaedah yang paling sesuai dalam pengumpulan data kerana kaedah analisis datanya mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama (Mohd Najib, 1999).

Teknik penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi maklumat dan maklumat diproses mengikut kaedah

analisis yang dirancang oleh penyelidik (Mohd. Najib, 2003). Oleh sebab itu, penggunaan soal selidik merupakan cara yang sangat berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Walau bagaimanapun, penggunaan soal selidik boleh membantu penyelidik menentukan sifat ‘impersonal’ dalam jawapan dan keseragaman di kalangan responden. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan dan ini akan dapat mencungkil maklumat yang tepat daripada responden.

Penyelidikan yang akan dijalankan ini, hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar tahun empat yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Ia bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kreativiti pelajar, faktor utama yang mendorong kreativiti, melihat hubungan di antara kreativiti dengan keadaan persekitaran dan melihat tahap kreativiti pelajar.

Populasi Kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian adalah terdiri daripada keseluruhan pelajar tahun empat yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) Sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Pengkaji telah memilih populasi secara persampelan tidak rawak bertujuan dengan mengambil keseluruhan populasi sebagai sampel untuk kajian ini, tambahan pula jumlah keseluruhan populasi adalah kecil. Oleh sebab itu, adalah wajar jika keseluruhan populasi digunakan sebagai responden .

Menurut Azizi Yahaya et al. (2007) saiz sampel adalah penting, semakin kecil saiz populasi semakin rendah ketepatannya. Justeru itu, pemilihan keseluruhan populasi sebagai responden adalah perlu bagi mengatasi sebarang kesulitan yang mungkin timbul terhadap penggunaan sampel yang kecil dalam mendapatkan hasil kajian yang bermakna. Taburan responden yang terlibat dalam kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Taburan Sampel Kajian

Jantina	Jumlah responden
Lelaki	16
Perempuan	55
Jumlah	71

Sumber : Bahagian Pengurusan Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai. Semester II sesi 2007/2008

Kajian Rintis

Menurut Mohd Najib (2003), sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak dikaji. Selepas kajian rintis ini, penyelidik boleh menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan seperti item dan jangka masa pentadbiran. Kajian rintis dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan tahap kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan.

Menurut Best dan Kahn (1998), soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik perlu diuji bagi mengekalkan kualiti seterusnya membantu mencapai objektif penyelidikan. Menurut Mohd Majid Konting (1994), hanya item yang menunjukkan pekali Cronbach Alpha yang melebihi 0.60 sahaja yang akan digunakan.

Penyelidik telah membuat kajian rintis terhadap 10 orang pelajar empat SPA Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. Setelah kajian rintis dibuat, penyelidik telah menilai kembali setiap item yang terdapat dalam soal selidik itu. Data yang diperolehi dari kajian rintis ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 15 for Windows*. Setelah analisis dibuat, nilai pekali Alpha yang diperolehi bagi item soalan bahagian B ialah 0.876 dan bahagian C, Ujian Personaliti Kreativiti menunjukkan majoriti responden berada pada tahap kreatif. Ini menunjukkan soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan untuk membuat kajian sebenar.

Analisis Faktor Utama Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar 4SPH, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Jadual 2 menunjukkan taburan min dan tahap responden mengikut faktor-faktor yang mendorong kreativiti pelajar di mana kesemua faktor-faktor yang telah dibincangkan mendapat nilai min pada tahap yang tinggi dengan faktor ilmu pengetahuan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.32 diikuti faktor motivasi iaitu 4.27, faktor personaliti iaitu 4.20, faktor keadaan persekitaran iaitu 4.13 dan faktor gaya berfikir yang mencatatkan nilai min paling rendah iaitu 3.73. Secara puratanya kesemua faktor mendapat nilai min 4.13 dan masih berada pada tahap yang tinggi dan faktor ilmu pengetahuan merupakan faktor yang utama yang mendorong kreativiti pelajar tahun yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) berdasarkan nilai min yang dicatatkan adalah paling tinggi.

Jadual 2: Jadual Perbandingan Min Faktor-faktor Yang Mendorong Kreativiti

Bil	Faktor-aktor Yang Mendorong Kreativiti	Min	Tahap
1	Faktor Ilmu Pengetahuan	4.32	Tinggi
2	Faktor Motivasi	4.27	Tinggi
3	Faktor Personaliti	4.20	Tinggi
4	Faktor Keadaan Persekutaran	4.13	Tinggi
5	Faktor Gaya Berfikir	3.73	Tinggi
	Purata	4.13	Tinggi

Penilaian Terhadap Hubungan Di antara Keadaan Persekutaran Dengan Kreativiti Pelajar

Jadual 3 menunjukkan pekali kolerasi bagi pasangan pembolehubah kreativiti dengan keadaan persekitaran adalah tinggi iaitu 0.712. Ianya juga membuktikan bahawa pembolehubah keadaan persekitaran dan kreativiti mempunyai perhubungan yang kuat memandangkan nilai kolerasi menghampiri nilai 1 (nilai maksimum bagi sesuatu pekali).

Hasil tersebut juga jelas menunjukkan terdapatnya satu perkaitan yang signifikan di antara pembolehubah keadaan persekitaran dengan kreativiti di mana nilai signifikannya ialah 0.000 iaitu lebih kecil dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01.

Jadual 3 : Hubungan Di antara Keadaan Persekutaran dengan Kreativiti

		KEADAAN PERSEKITARAN	KREATIVITI
KEADAAN PERSEKITARAN	Spearman's Correlation	1.000	.712**
	Sig. (2-tailed)	.	.000
	N	71	71
KREATIVITI	Spearman's Correlation	.712**	1.000
	Sig. (2-tailed)	.000	.
	N	71	71

Perbincangan

Analisis kajian yang dijalankan melihat kepada kekerapan responden menentukan faktor-faktor yang mendorong kreativiti mereka. Hasil dapatan kajian mendapat kesemua faktor, iaitu faktor ilmu pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi dan keadaan persekitaran mendorong kreativiti pelajar tahun empat yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).

Hasil dapatan kajian mendapat motivasi merupakan faktor kedua yang mempengaruhi kreativiti responden. Motivasi adalah terbit dari diri setiap individu di mana ia memacu seseorang untuk bertindak dan seterusnya memindahkan motivasi itu kepada tindakan (Mauzy dan Harriman, 2003). Kebanyakan individu sedar akan kepentingan untuk membaiki diri berubah kearah lebih baik dan mereka akan bertanya kepada seseorang yang lebih arif mengenai perkara yang mereka kurang fahami seterusnya mereka akan melakukan sesuatu pekerjaan itu secara berterusan untuk mencapai kejayaan. Pernyataan ini adalah selari dengan pernyataan yang dibuat oleh Gardner (1983) yang menyatakan individu yang kreatif ialah dari semasa ke semasa berupaya menyelesaikan masalah demi masalah, ataupun berupaya menghasilkan sesuatu yang baru dan berguna dalam bidang tertentu.

Personaliti kreatif merupakan salah satu faktor yang agak penting dalam melihat kreativiti seseorang. Kebanyakan responden menyatakan mereka setuju dengan kenyataan mereka seorang yang unik dan akan mengatasi sesuatu masalah dengan bersungguh-sungguh hingga beroleh kejayaan. Menurut Mohd Azhar (2004), personaliti kreatif memiliki peribadi yang unik. Tambah beliau lagi unik bermakna lain daripada yang lain, lain daripada perspektif berfikir, bertindak, dan bertindak balas dengan persekitarannya. Orang yang berperibadi ‘seni’ amat sensitif dengan sesuatu yang diminatinya dan sanggup melakukan apa saja demi mencapai apa yang diidam-idamkan.

Untuk kajian ini, faktor yang digunakan bagi melihat kreativiti pelajar adalah tidak sama sepenuhnya dengan pengkaji lepas yang mana faktor yang digunakan adalah faktor yang berlainan sama sekali untuk melihat kreativiti dalam sesebuah organisasi, terdapat hanya dua faktor yang sama iaitu faktor motivasi dan faktor keadaan persekitaran. Dapatan kajian pengkaji adalah selari dengan kajian lepas dimana kedua-dua faktor yang mendorong kreativiti iaitu faktor motivasi dan keadaan persekitaran masing-masing menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.24 dan 4.10.

Analisis kajian yang dijalankan adalah untuk melihat faktor utama yang mendorong kreativiti pelajar tahun empat, Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) UTM. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan merupakan faktor utama yang mendorong kreativiti pelajar. Ia diikuti dengan faktor motivasi, personaliti, keadaan persekitaran dan gaya berfikir.

Pernyataan ini disokong dengan pernyataan oleh Ainon dan Abdullah (1999) iaitu, apabila kita memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam, dalam sesuatu bidang barulah kita dapat menghasilkan idea yang asli dan bermanfaat dan ilmu pengetahuan juga mendorong kreativiti untuk menghasilkan jenis-jenis idea yang menentang kebiasaan dalam sesuatu bidang. Tambah mereka lagi, ilmu pengetahuan yang mendalam berguna untuk mencipta hasil kerja terakhir yang tinggi mutunya serta membantu kita nampak sesuatu yang berlaku secara tidak sengaja.

Hasil kajian untuk faktor paling utama yang mendorong kreativiti adalah tidak selari dengan kajian lepas. Ahmad Daud (2007), mendapati faktor utama yang mendorong kreativiti ialah faktor motivasi. Perbezaan hasil dapatan ini adalah kerana latar belakang responden yang digunakan dalam kajian adalah berbeza. Pengkaji melakukan kajian keatas pelajar institut pengajian tinggi manakala Ahmad Daud (2007), melakukan kajian keatas pegawai kerajaan yang mana berada dalam alam pekerjaan yang sudah pasti terlalu berbeza situasi dan keadaan kehidupan sehariannya dengan rutin seorang pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keadaan persekitaran dengan kreativiti pelajar. Untuk menentukan hubungan kreativiti dengan faktor keadaan persekitaran, pengkaji menggunakan kaedah Analisis Kolerasi Spearman yang mana merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mencari perkaitan antara data berbentuk nominal dan interval ini. Hasil kajian ditunjukkan melalui jadual yang ringkas dan jelas tentang terdapat hubungan yang wujud antara kreativiti dan keadaan persekitaran.

Dapatan kajian ini disokong oleh Ayan (1997) yang menyatakan persekitaran adalah perkara yang lebih penting dalam mempengaruhi kreativiti dan ianya diakui. Tambah beliau lagi persekitaran akan memberi kesan kepada perasaan dan keseluruhan pandangan terhadap kehidupan. Jadi, sepatutnya tempat belajar seperti kampus contohnya menjadi satu tempat yang tenang dan menarik bagi mendatangkan idea-idea yang kreatif kepada pelajar-pelajar di universiti khususnya.

Menurut Sternberg dalam Kreativiti Konsep dan Teori Praktis, Mohd Azhar (2004), persekitaran mempengaruhi kreativiti secara langsung. Persekitaran yang birokratik, ketat dengan peraturan dan undang-undang akan membatas dan tidak menggalakkan aktiviti berkreasi. Individu juga harus berada dalam persekitaran yang selamat, tetap dalam pekerjaan serta harmoni daripada hiruk piruk, hingar-bingar dan kebisingan. Kenyataan ini secara tidak langsung menyokong kuat item soalan 20 iaitu, keadaan fakulti yang tenang dan harmoni membantu responden untuk menerbitkan idea yang kreatif.

Berdasarkan analisis yang dijalankan majoriti pelajar 4 SPH berada pada tahap kreatif, bagi mengenalpasti tahap kreativiti pelajar tahun empat, Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) UTM, didapati majoriti responden bersetuju dengan setiap pernyataan yang ditanyakan dalam soal selidik dan skor yang diperoleh menunjukkan responden berada pada tahap yang kreatif. Manakala jumlah kedua terbesar responden berada pada tahap sederhana kreatif. Selain dari itu, didapati hanya dua orang responden berada pada tahap kreativiti sangat kreatif.

Ini membuktikan bahawa majoriti responden yang bersetuju dengan kesemua pernyataan yang mengukur kreativiti mereka dan ia adalah lebih tinggi berbanding responden yang tidak setuju dengan semua pernyataan yang diberikan, sekaligus membuktikan bahawa wujudnya banyak faktor yang menyumbangkan kepada kreativiti individu itu sendiri.

Fenomena aktiviti yang sama dan selalu dilakukan telah membantu memahirkkan dan mempertingkatkan perkembangan kreativiti individu. Malah, segala tugas atau aktiviti yang dilakukan memerlukan pandangan dan penghargaan dari pihak-pihak yang berkenaan secara

tidak langsung membuka peluang kepada pelajar untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah sendiri.

Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Norallina et al. (2007) ke atas Kumpulan Inovatif dan Kreatif, UTM yang mana telah menunjukkan majoriti daripada responden iaitu seramai 30 orang responden daripada 48 orang responden berada pada tahap kreatif. Ianya disokong oleh Ahmad Daud (2007) yang telah menjalankan kajian ke atas Kumpulan Inovatif dan Kreatif Agensi Pengangkuasaan Maritim Malaysia, Wilayah Selatan Johor mendapati daripada 60 orang responden majoriti daripada mereka berada pada tahap kreativiti yang kreatif iaitu seramai 43 orang. Namun begitu hasil kajian ini tidak selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Yong (1989) yang mendapati tahap kreativiti pelajar tingkatan empat sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya berada pada tahap kreativiti yang kurang kreatif. Ini menunjukkan rakyat Malaysia yang telah bekerja dan penuntut universiti adalah terdiri daripada mereka yang kreatif, sebaliknya dengan pelajar sekolah yang mana, masih perlu diberi tumpuan yang lebih lagi oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk meningkatkan kreativiti mereka.

Rujukan

- Ayan, J. (1997). *Aha!: 10 Ways to Free Your Creativity Spirit and Find Your Great Idea*. New York: Three Rivers Press.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Best & Kahn (1998) . *Education Research Abstracts*. Issue In Accounting Education.Vol. II (Issue 1).pg 238.
- Costa,A. (1985). *Assesing Growth In Thinking Abilities*. Alexandaria: Va: Association for Supervision and Curiculum Development.
- De Bono,E.(1976) . *Teaching Thinking*. Middlesex: Penguin Books.
- De Bono,E.(1985) . *Six Thinking Hats*. London: Penguin Books.
- Eugene Raudsepp.(June,1985) *How Creative Are You*. Nation's Business,pg 25-26.U.S U.S Chamber of Commerce.
- Feldman, B .(2000) . *The Nobel Prize: A History of Genius, Controversy & Prestige*. ew York : McGraw Hill.
- Freud, S (1947) . *Leonardo da Vinci: A Study in Psychosexuality (1910)*. New York: Random House.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind*.New York: Basic
- Gamez, G.(1996) . *Creativity: How to Catch Lighting in a Bottle*. Los Angeles : Peak Publications.pg 23-28.
- Hitchfield, E.M. (1973). *In Search of Promise: A Long Term, Nasional Study of Able Children and Their Famies*.London: Longman.
- Jones, T.P. (1972). *Creative Learning In Perspective*. London: Butler & Tanner.pg vii.
- Kamus Dewan (2002). Edisi Ke 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lehman, H.C. (1953). *Age and Achievement*. Princeton, N.J: Princeton University Press.
- Mackinnon, D.W. (1962). *The Creative Person*. California: University of California Press.
- Mauzy, Jeff & Harriman, R (2003). *Creativity,Inc: Building an Inventive Organization*.Boston: Harvard Business School Press.

- Norazlin Binti Manaf (2005). *Hubungan Antara Personaliti dengan Kreativiti Pekerja, Kajian di Radio Televisyen Malaysia (RTM), Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Paimah Atoma, Hamidah Ab.Rahman dan Shahri Abd Majid (2001). *Kenegaraan Malaysia*. Edisi Kedua Skudai: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Rothenberg, A. and Hausman, C.R. (1996). *The Creativity Question*. Durham: Duke University Press.
- Siti Rahana Bt Mamat (2006). *Pola Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis dalam Matapelajaran Kimia di Kalangan Pelajar Pintar Cerdas*. Universiti Teknologi Malaysia :Projek Sarjana Muda.
- Treffinger, Donald J. (1986). *Research on Creativity*. Gifted Child Quarterly, v30, n1, pg 15-19.
- Utusan Malaysia (2003). *Guru Berkualiti Aspirasi Negara*. Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan Snd. Bhd.
- Yong M.S (1989). *Creativity: A Study of Malaysian Students*. Kuala Lumpur: DTP Production by Huruf Sedia Sdn. Bhd.
- Wallas, G. (1926). *The Art of Thought*. London : C.A .Watts.